

## Manfaatkan kemudahan TPM

---

Kosmo

13 Disember 2017 | Rabu

### Manfaatkan kemudahan TPM

**KUALA LUMPUR** - **Tech-**nology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM), syarikat milik kerajaan di bawah seliaan Kementerian Kewangan mempelawa usahawan dan usahawan teknologi di Johor untuk memanfaatkan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatannya dalam usaha menembusi pasaran global.

Syarikat berpangkalan di sini dan beroperasi di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI) itu berkata, ia merupakan satu-satunya model inkubasi generasi keempat yang menawarkan khidmat nasihat khusus dan program pembangunan keusahawanan

komprehensif serta bersepadu.

"Ditubuhkan pada 1996, TPM berperanan sebagai pemacu bidang sains, teknologi dan inovasi.

"TPM telah memainkan peranan penting dalam pembangunan usahawan teknologi bagi kelompok industri bioteknologi dan sains hayat, perkhidmatan inkubasi, kejuruteraan lanjutan, teknologi maklumat dan komunikasi serta tenaga boleh diperbaharu," menurutnya dalam kenyataan semalam.

"TPM juga merupakan inkubator pertama di Malaysia menawarkan perkhidmatan inkubasi maya, dikenali sebagai *ADVISE*," - Bernama